

27.3.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

JANGAN PERCAYA BERITA PALSU: PBAPP AKAN TERUS BEKALKAN AIR DI PULAU PINANG, 24/7, SEPANJANG TEMPOH PKP.

- **PBAPP telah membuat laporan polis mengenai rakaman audio “berita palsu” tidak bertanggungjawab yang diedarkan melalui media sosial.**

PULAU PINANG, Jumaat, 27.3.2020: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan terus membekalkan air kepada semua pengguna air di Pulau Pinang, 24/7, ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 25.3.2020, tempoh PKP dilanjutkan sehingga 14.4.2020. Kakitangan PBAPP akan terus bekerja setiap hari untuk memenuhi semua keperluan bekalan air rakyat dan negeri.

Kami komited untuk melaksanakan tugas kami, walaupun menghadapi risiko yang lebih tinggi setiap hari, kerana rakyat memerlukan air setiap hari. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memastikan rakyat mempunyai air yang mencukupi untuk digunakan, kerana mereka berada di rumah dan selalu mencuci tangan sebagai langkah pencegahan jangkitan COVID-19.

Harap maklum bahawa Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyatakan bahawa penyahkuman seperti klorin akan mematikan virus COVID-19.* PBAPP menggunakan klorin untuk membasmi kuman pada air mentah, loji rawatan air dan sistem pengagihan air di Pulau Pinang.

Oleh itu, air terawat di Pulau Pinang adalah selamat untuk diminum. Walau bagaimanapun, untuk langkah selamat, kami menasihati orang ramai untuk didihkan air paip sebelum diminum.

BERITA PALSU

Pada 25.3.2020, PBAPP membuat laporan polis berhubung “berita palsu”. Laporan polis ini berkaitan dengan rakaman audio yang telah diedarkan di platform media sosial.

Seseorang membuat dan mengedarkan rakaman yang mendakwa operasi bekalan air di Pulau Pinang akan dihentikan tidak lama lagi, dan tidak akan ada bekalan air.

PBAPP ingin menyatakan dengan jelas bahawa tuduhan di atas **tidak berasas, tidak benar dan tidak bertanggungjawab. Ini adalah berita palsu. Lanjutan daripada laporan polis yang dibuat, siasatan akan dilakukan oleh pihak polis.**

TIADA CATUAN AIR SEPANJANG TEMPOH PKP

PBAPP mematuhi dasar “tiada catuan air” oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, terutamanya ketika ini apabila pengguna air diminta untuk tinggal di rumah untuk melawan COVID-19.

Kami terus beroperasi secara normal, berusaha untuk membekalkan air kepada semua 631,250 pengguna air berdaftar di Pulau Pinang, walaupun dengan adanya kawalan ketika cuaca kemarau.

Sehingga 26.3.2020, kapasiti efektif tiga empangan utama Pulau Pinang adalah seperti berikut:

| Empangan | Kapasiti Efektif pada 26.3.2020 |
|--------------------------|---------------------------------|
| a. Empangan Air Itam | 37.2% |
| b. Empangan Teluk Bahang | 23.1% |
| c. Empangan Mengkuang | 69.3% |

Pada 26.3.2020, paras air Sungai Muda, sumber air mentah utama Pulau Pinang, adalah 1.55m. PBAPP mampu mengabstrak air mentah yang diperlukan oleh Pulau Pinang setiap hari dari sungai ini. Apabila ada kekurangan dari Sungai Muda, kami akan mengambil air dari Empangan Mengkuang untuk memastikan air mentah yang mencukupi bagi Loji Rawatan Air Sungai Dua yang mengeluarkan lebih daripada 80% air terawat di Pulau Pinang.

Menurut kenyataan media 25.3.2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi, musim peralihan monsun dijangka bermula hari ini (27.3.2020). Ketika fasa peralihan monsun, cuaca diramal ribut petir dan hujan.

Justeru, kita mengharapkan hujan lebat di kawasan tadahan di Pulau Pinang tidak lama lagi. Mudah-mudahan, hujan akan mencukupi untuk meningkatkan kapasiti efektif empangan Pulau Pinang.

DAPATKAN FAKTA YANG TEPAT, TERUS DARI PBAPP

Adalah menjadi dasar PBAPP untuk memaklumkan kepada rakyat, secara terbuka dan tepat mengenai senario bekalan air di Pulau Pinang, melalui saluran utama komunikasi berikut:

- Laporan Akhbar
- Hantaran di *Facebook* (“PBAPP Penang”)
- Kemas kini laman web (www.pba.com.my)
- Aplikasi “myPBA” (muat turun dari Apple App Store dan Google Play Store).

Harap maklum bahawa sebarang “berita tidak rasmi” mengenai bekalan air Pulau Pinang yang tidak datang dari saluran rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau saluran komunikasi PBAPP berkemungkinan adalah “berita palsu”.

Kami juga mengendalikan Pusat Panggilan 24 Jam (no tel: 04 255 8 255) untuk melayani sebarang pertanyaan. Pengguna air yang prihatin dengan hantaran/perkongsian yang mengejutkan di media sosial (mengenai bekalan air di Pulau Pinang) boleh mendapatkan pencerahan daripada Pusat Panggilan 24 Jam kami.

Terima kasih.

*Sumber data: <https://www.who.int/publications-detail/water-sanitation-hygiene-and-waste-management-for-covid-19>

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607 Email : syarifah@pba.com.my